



## **SIARAN MEDIA** **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

### **'INSENTIF BAJET 2017 UNTUK SEMUA'**

1. Pembentangan Bajet 2017 yang telah diumumkan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 21 Oktober 2016 (Jumaat) turut memberikan insentif berkaitan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN).
2. Perkara yang telah diumumkan adalah :
  - i) Pemberian diskaun kepada peminjam PTPTN; dan
  - ii) Pemberian geran sepadan SSPN-i.
3. Pemberian diskaun kepada peminjam PTPTN meliputi :
  - i) Diskaun 15% untuk peminjam yang menyelesaikan keseluruhan hutang;
  - ii) Diskaun 10% untuk peminjam yang menyelesaikan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan hutang;
  - iii) Diskaun 10% untuk bayaran melalui potongan gaji atau *direct debit* mengikut jadual bayaran balik.
4. Pemberian diskaun 15% dan 10% ini adalah layak diterima oleh peminjam **berkuatkuasa mulai 22 Oktober 2016 hingga 31 Disember 2017.**
5. Bagi urusan penyelesaian keseluruhan hutang dan penyelesaian 50% daripada hutang, peminjam perlu membuat semakan baki hutang melalui Penyata *Online* di portal rasmi [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my) atau menghubungi talian *Careline* 03 - 2193 3000. Bagi peminjam yang ingin membuat bayaran balik melalui potongan gaji, perlu berunding melalui *Careline* dan melengkapkan Borang Permohonan Potongan Gaji yang terdapat di portal rasmi PTPTN. Bagi peminjam yang ingin membuat bayaran

balik melalui *direct debit*, borang tersebut boleh diperolehi di semua kaunter PTPTN mulai 1 November 2016.

6. **Pemberian geran sepadan untuk deposit Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i) sebanyak RM50 seorang akan diberikan kepada 500,000 pelajar Tahun 1 Tahun 2017.** Mesyuarat dan penyelarasan akan diadakan bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan makluman mengenainya akan dihebahkan secara berkala.
7. Melalui **insentif diskaun yang diberikan kepada peminjam ini dapat meringankan beban hutang yang ditanggung oleh peminjam** kerana ianya secara langsung akan **mengurangkan jumlah hutang yang perlu dibayar.** Tambahan pula insentif diskaun ini terbuka kepada semua peminjam PTPTN sama ada yang telah dikenakan tindakan penguatkuasaan atau sebaliknya. Yang penting, peminjam hanya perlu memulakan dan meneruskan bayaran balik mereka.
8. Insentif ini juga dapat **meningkatkan kesedaran peminjam PTPTN yang sudah bekerja sama ada sebagai kakitangan awam mahupun swasta untuk membuat bayaran balik secara konsisten melalui kaedah potongan gaji atau *direct debit*.** Insentif ini adalah **lebih menyeluruh dan mampu dinikmati oleh semua peminjam** kerana diberikan kepada peminjam yang membuat bayaran balik secara *lumpsum* dan juga konsisten setiap bulan. Sekiranya terdapat masalah untuk membuat bayaran balik mengikut jadual yang ditetapkan, peminjam disarankan untuk segera berunding dengan PTPTN.
9. Berdasarkan insentif bayaran balik kepada peminjam yang telah diumumkan, disarankan **1.5 juta peminjam PTPTN yang telah patut membuat bayaran balik mengambil peluang yang telah diberikan.** PTPTN menjangkakan berlaku **peningkatan bayaran balik melalui *online/ direct debit* daripada 30% kepada 40%** dan **peningkatan bayaran balik melalui potongan gaji iaitu daripada 10% kepada 20%.**
10. **Insentif geran sepadan untuk deposit SSPN-i pula merupakan satu anugerah kepada ibu bapa yang mempunyai anak-anak dalam memulakan dan meneruskan perancangan kewangan pendidikan.** Dengan penabungan seawal

usia anak-anak oleh ibu bapa, **graduan akan datang hanya mempunyai hutang pendidikan yang minimum dan akhirnya tidak membebankan** mereka. Simpanan pendidikan yang berterusan melalui SSPN-i/ SSPN-i Plus akan **memberikan peluang yang cerah untuk anak-anak melanjutkan pelajaran tanpa menghadapi kekangan dari aspek kewangan.**

11. **Terima kasih kepada YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia** kerana memberikan **keutamaan kepada peminjam PTPTN** dalam membantu menyelesaikan kemelut pembayaran balik. Dengan adanya insentif ini, PTPTN juga dapat **memastikan bayaran balik yang patut diterima adalah lebih konsisten sekali gus meningkatkan keberkesanan perancangan keperluan dana** untuk generasi akan datang.

**YB Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah**  
**Pengerusi PTPTN**  
**21 Oktober 2016**